



KEMENTERIAN
KOMUNIKASI DAN DIGITAL

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN RANGKAIAN 5G OLEH DNB HINGGA 80% DAN DIKUTI PERALIHAN KEPADA MODEL DWIRANGKAIAN

Kerajaan pada hari ini bersetuju supaya pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia diteruskan melalui Digital Nasional Berhad (DNB) sehingga mencapai 80% liputan di kawasan berpenduduk menjelang penghujung 2023.

Manakala peralihan kepada model dwirangkaian akan dilaksanakan berpandukan syarat-syarat yang selari dengan amalan di peringkat global yang menawarkan kepelbagaian rangkaian bukan sahaja untuk rakyat, malah juga untuk sektor perindustrian yang merupakan antara kumpulan sasaran penggunaan teknologi 5G.

Keputusan ini dibuat dengan anjakan fokus kepada elemen penerimgunaan dan inovasi berasaskan teknologi 5G secara komprehensif. Model ini turut mengambil kira kemampuan ekosistem industri telekomunikasi di Malaysia sekali gus menamatkan unsur monopoli yang sering dikaitkan dengan DNB.

Selaras dengan prinsip utama yang digariskan dalam ucapan Belanjawan 2023 oleh YAB Perdana Menteri, peralihan ini dapat memantapkan keterangkuman melalui penyertaan penuh penyedia perkhidmatan tanpa menjejaskan langganan 5G sedia ada pada kadar yang berpatutan untuk rakyat.

KKD sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan DNB serta pihak penyedia perkhidmatan bagi memastikan peralihan kepada model dwirangkaian berjalan dengan lancar tanpa menjejaskan kepentingan rakyat dan keyakinan pelabur.

FAHMI FADZIL

MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL

3 Mei 2023

